



MAKLUMAT KEJOHANAN

RAGBI LIGA ALUMNI 2016
PIALA KEBANGSAAN – KELAYAKAN NEGERI PAHANG
EXSAS RUGBY vs KELAB RAGBI ALUMNI SHAH PEKAN
13 OGOS 2016 | 5.00 PETANG | PADANG SEMSAS



EXSAS RUGBY | KRAS PEKAN **COMEBACK TROPHY 2016**

RAGBI LIGA ALUMNI 2016 - EXSAS EAGLES BERTEMU ALUMNI SHAH DI KUANTAN

Pentas EXSAS Eagles dalam Kejohanan Ragbi Liga Alumni akan bermula sabtu ini dengan perlawanan pembukaan bertemu KRAS (Kelab Ragbi Alumni SHAH Pekan) di Padang SEMSAS jam 5.00 petang.

Perlawanan ini mempertanding sebuah trofi yang diberi gelaran “Comeback Trophy”, sesuai dengan suasana kedua-dua pasukan kembali ke sekolah.

Venue perlawanan akan diadakan secara bergilir-gilir dan untuk edisi pertama akan berlangsung di padang SEMSAS Kuantan. Edisi tahun hadapan akan diadakan di SHAH Pekan.



EXSAS RUGBY | KRAS PEKAN COMEBACK TROPHY 2016

PENGENALAN

Perlawanan ragbi di antara bekas pelajar SEMSAS (EXSAS) dan bekas pelajar SHAH (KRAS) merupakan satu acara bagi memenuhi format pertandingan Liga Alumni merebut Piala Kebangsaan.

Pertandingan ini akan dijadikan acara tahunan bermula dari tahun 2016.

TENTANG LIGA ALUMNI

Liga Alumni diperkenalkan pada tahun 2005 dengan penyertaan 8 buah pasukan alumni perintis.

Objektif utama pertandingan ini adalah untuk menyemarakkan arena ragbi tempatan dan sebagai media penghubung silaturrahim di antara ahli alumni secara amnya.

Pada tahun ini, sebanyak 24 buah pasukan ragbi alumni seluruh Malaysia akan bertanding dalam 3 divisyen utama.

STRUKTUR PERTANDINGAN

Secara amnya, pertandingan Liga alumni melibatkan 3 kejohanan utama,
1)Piala Kebangsaan
2)Piala Liga Divisyen (Divisyen 1, Divisyen 2 dan Divisyen 3)
3)Piala Perdana

PIALA KEBANGSAAN

Merupakan pertandingan di antara negeri. Hanya satu pasukan alumni sahaja yang akan dipilih akan mewakili negeri ke peringkat akhir.

Negeri yang mempunyai lebih dua pasukan akan bertanding dalam perlawanan kelayakan.

Sebanyak 10 buah negeri yang menyertai pada tahun 2016.

Juara bertahan adalah alumni negeri Kelantan yang diwakili oleh Petra Old Boys.

Negeri –negeri yang bertanding adalah seperti berikut :-

- 1)Kelantan (PETRA OB)
- 2)Terengganu (SESMA OB)
- 3)Perak (STAROBA, MCOBA)
- 4)Selangor (HSKOBA, KUSESS, SEMASHUR, XSSAAS, SEKSYEN 19)



EXSAS RUGBY | KRAS PEKAN COMEBACK TROPHY 2016

- 5) WP Kuala Lumpur (SMSOB, OPA, VIOBA)
- 6) WP Putrajaya (ASAS)
- 7) Negeri Sembilan (SDAR, STJOB)
- 8) Melaka (Ansara Terendak)
- 9) Johor (SAJOHA, SAKTI)
- 10) Pahang (EXSAS, KRAS)

Juara Piala Kebangsaan akan dikenali sebagai Johan Agung.

PIALA LIGA DIVISYEN

Pasukan akan bermain dalam liga yang dibahagikan kepada 3 Divisyen iaitu Divisyen 1, Divisyen 2 dan Divisyen 3.

Dua pasukan tertinggi liga Divisyen 1 akan bertanding dalam perlawanan merebut Piala Kenangan Shukri.

PIALA PERDANA

Merupakan pertandingan kemuncak dalam musim Liga Alumni. Kedudukan ranking dalam liga divisyen akan menentukan tempat pasukan dalam Piala Perdana.

Terdapat juga Perisai Temenggung dan Bentara bagi pasukan yang tewas dalam pusingan awal.

Juara Piala Perdana akan dikenali sebagai Johan Perdana.

PIALA ALUMNI KEBANGSAAN BAWAH 19

Piala ini mula dipertandingkan pada tahun 2015 sebagai salah satu program pembangunan pasukan liga alumni serta menyokong aktiviti pasukan.

Bermula dengan 4 pasukan perintis, kejohanan ini mula berkembang dengan penyertaan 8 pasukan alumni bawah 19 pada tahun ini.



EXSAS RUGBY | KRAS PEKAN COMEBACK TROPHY 2016

COMEBACK TROPHY

Bagi memenuhi syarat format Piala Kebangsaan, satu perlawanan peringkat negeri Pahang akan diadakan di antara EXSAS dan KRAS.

Tarikh yang dipilih adalah pada 13 Ogos 2016 jam 5.00 petang.

Kedua-dua pasukan akan bergilir-gilir menjadi tuan rumah. Lokasi perlawanan adalah di padang sekolah asal untuk mengembalikan nostalgia bekas pemain-pemain ragbi. SEMSAS dipilih menjadi venue perlawanan pada tahun ini.

Trofi ini agak unik kerana dipertandingkan oleh dua pasukan alumni yang satu-satunya mempunyai nama sekolah yang hampir sama.

Bagi memeriahkan lagi acara, satu perlawanan persahabatan ragbi di antara Sekolah Menengah Sains Sultan Hj Ahmad Shah (SEMSAS) Kuantan dan Sekolah Sains Sultan Hj Ahmad Shah (SHAH) Pekan akan diadakan sebelum perlawanan utama alumni.

Sukan ragbi begitu sinonim dengan kedua-dua sekolah di hujung 80an dan 90an. SEMSAS dan SHAH sering bertemu di perlawanan peringkat negeri.

Namun tradisi tersebut sudah mula berkurang dan dengan adanya pertandingan ini diharap tradisi tersebut kembali menghiasi landskap sukan di kedua-dua belah sekolah.



EXSAS RUGBY | KRAS PEKAN
COMEBACK TROPHY 2016

ATUCARA PROGRAM
SABTU 13 OGOS 2016

Masa	Acara	Venue	Nota
3.00 petang	Perlawanan persahabatan di antara SEMSAS bawah 18 dan SHAH bawah 18	Padang SEMSAS	TBC
4.45 petang	Ketibaan VIP	Astaka SEMSAS	TBA
5.00 petang	Nyanyian lagu sekolah	Padang SEMSAS	
5.15 petang	Sepak mula	Padang SEMSAS	
6.30 petang	Penyampaian hadiah dan cenderamata	Padang SEMSAS	
7.00 petang	Majlis bersurai		



**EXSAS RUGBY | KRAS PEKAN
COMEBACK TROPHY 2016**

FAKTA SEKOLAH / ALUMNI

INFO	EXSAS RUGBY	KELAB RAGBI ALUMNI SHAH PEKAN
NAMA SEKOLAH	SEKOLAH MENENGAH SAINS SULTAN HJ AHMAD SHAH, KUANTAN	SEKOLAH SAINS SULTAN HJ AHMAD SHAH, PEKAN
SINGKATAN	SEMSAS	SHAH
MOTTO	HIDUP BERJASA	ILMU AMAL BUDI
TAHUN DITUBUHKAN	1973	1989
LOKASI SEKOLAH	KM 12, JALAN GAMBANG, KUANTAN	JALAN SULTAN ABU BAKAR, PEKAN
LOGO SEKOLAH		
LAMAN WEB	www.semsas.edu.my	www.shahpekan.edu.my
PENGETUA	HJH SAFIAH BT AWANG	EN. ADNAN A.AZIZ
ALUMNI	PERSATUAN BEKAS PELAJAR SEMSAS, KUANTAN (EXSAS)	ALUMNI SHAH PEKAN
PRESIDEN	EN. FUAD KAMAL BIN ARIFFIN(90)	YH DATO' REMIE BIN MUSA (93)
SETIAUSAHA	EN. AZHAR BIN AZIZ (88)	EN. MUHAMMAD FIRDAUS BIN ABD RAHMAN (04)
LOGO ALUMNI		
LAMAN WEB	www.exsas.com.my	www.alumni.shahpekan.org



EXSAS RUGBY | KRAS PEKAN COMEBACK TROPHY 2016

FAKTA PASUKAN

INFO	EXSAS RUGBY	KELAB RAGBI ALUMNI SHAH PEKAN
NAMA PASUKAN	KELAB RAGBI PERSATUAN BEKAS PELAJAR SEMSAS (EXSAS RUGBY)	KELAB RAGBI ALUMNI SHAH PEKAN (KRAS)
NAMA PANGGILAN	THE EAGLES	THE PHANTOMS
LOGO PASUKAN	 <p>EXSAS EAGLES RUGBY</p>	 <p>K.R.A.S</p>
TAHUN PENYERTAAN	2006	2015
DIVISYEN LIGA TERKINI	DIVISYEN 2	DIVISYEN 3
PENCAPAIAN LIGA ALUMNI	<ul style="list-style-type: none"> -NAIB JOHAN PIALA PERDANA 2006 -NAIB JOHAN PIALA TEMENGGUNG 2007 -JOHAN PIALA BENTARA 2008 	<ul style="list-style-type: none"> -JOHAN PIALA BENTARA 2015 -NAIB JOHAN PIALA KEBANGSAAN BAWAH 19
JERSI	 <p>A black, blue, and red striped rugby jersey with a white collar and shoulders.</p>	 <p>A black jersey with a white V-neck and a red and yellow trim at the top.</p>